



23 NOV, 2022

TNB siap siaga berdepan bah

Harian Metro, Malaysia



Page 1 of 2

TNB siap siaga berdepan bah

Kuala Lumpur: Tenaga Nasional Bhd (TNB) membuat persiapan menyeluruh bagi menghadapi musim tengkujuh termasuk penambahbaikan kepada infrastruktur kritikal miliknya di kawasan berpotensi ditenggelami banjir.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, semua empangan hidroelektrik berada dalam keadaan baik untuk berfungsi sebagai te-

batan banjir, antaranya dengan mengurangkan paras air empangan secara berperingkat mulai Julai lalu.

TNB juga memasang tembok penahan sistem perparitan di Pencawang Masuk Utama (PMU) dan meninggikan aras platform peralatan, manakala set jana kuasa bergerak dan mudah alih serta perkakas kritikal seperti bot, telefon satelit dan lampu limpah ditempatkan di lokasi strategik.

“Langkah lain ialah mengubah lokasi dan meningkatkan ketinggian menara penghantaran untuk memastikan tiada risiko menara tumbang,” menurut TNB dalam kenyataan, semalam.

Sementara itu, bilik gerakan TNB di negeri yang terbabat banjir diaktifkan untuk memantau keadaan dan menyalurkan maklumat terkini bekalan elektrik sebaik keadaan berjaga-jaga diperlukan.